



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SEKATAN IMPORT TERHADAP LEMBU DAN KERBAU AUSTRALIA

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan telah mengeluarkan arahan penggantungan import ternakan hidup lembu dan kerbau dari Australia pada 4 Ogos 2023.

Ini berikutan dari laporan akhbar mengenai penemuan tanda-tanda jangkitan *Lumpy Skin Disease* (LSD) oleh pihak berkuasa Indonesia pada lembu yang diimport oleh negara itu dari Australia. Pengesahan tentang laporan itu telah dibuat oleh DVS dengan pihak berkuasa negara berkenaan.

Tindakan penggantungan ini bersifat sementara dan diambil sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya dakwaan pihak berkuasa Indonesia itu benar, memandangkan Malaysia turut mengimport lembu dan kerbau dari Australia dengan nilai import sebanyak RM25,547,355.00.

Susulan dari penggantungan import tersebut, sesi libat urus antara DVS dan *Department of Agriculture, Fisheries and Forestry* (DAFF), Australia telah diadakan pada 7 Ogos 2023. DAFF bersetuju untuk berkongsi laporan hasil siasatan berkaitan dakwaan dari pihak Indonesia tersebut. Oleh yang demikian, DVS sedang menunggu laporan penuh dari DAFF bagi tindakan selanjutnya.

Untuk memastikan sektor ternakan dalam negara terjamin bebas daripada sebarang risiko penyakit, DVS sentiasa memastikan semua pengimportan ternakan hidup adalah mengikut protokol dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

11 OGOS 2023